

Penerapan Teras Hati Budi Melayu dalam Pengajaran Bahasa Melayu melalui Lakuan Pertuturan Guru

Application of Malay Virtues in Malay Language Teaching through the Teacher's Speech Art

Muhammad Zuhair Zainal
zuhair@usm.my

Pusat Pengajian Ilmu Penididikan,
Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia

Hasmidar Hassan²
hasmidar.hassan@ubd.edu.bn

Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darusalam

Aznan Che Ahmad
aznan@usm.my

Pusat Pengajian Ilmu Penididikan,
Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia

Published: 04 Januari 2024

To cite this article (APA): Zainal, M. Z., Hassan, H., & Che Ahmad, A. Penerapan Teras Hati Budi Melayu dalam Pengajaran Bahasa Melayu melalui Lakuan Pertuturan Guru. *PENDETA*, 15(1), 1–15. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol15.1.1.2024>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol15.1.1.2024>

ABSTRAK

Dalam konteks pendidikan Bahasa Melayu, Teras Hati Budi Melayu (THBM) sangat relevan dijadikan nilai murni. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk menjelaskan bentuk lakuan pertuturan guru dalam usaha menerapkan THBM dalam pengajaran bahasa; khususnya THBM dalam kelompok nilai. Kajian fenomenologi hermeneutik ini menggunakan pendekatan pragmatik berdasarkan Lakuan Pertuturan Searle (1969). Data kajian ialah 10 ujaran terpilih yang diambil daripada transkripsi rakaman video pengajaran Bahasa Melayu milik Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia. Hasil kajian menunjukkan bahawa penerapan THBM dalam PdP Bahasa Melayu boleh berlaku melalui lakuan pertuturan guru.

Kata kunci: hati budi Melayu; pengajaran dan pembelajaran; Bahasa Melayu; lakuan pertuturan; pragmatik

ABSTRACT

In the context of the Malay language education, implementation of moral values based on Core Malay Virtues (CMV) is deemed very relevant to be values. Therefore, this study was conducted to explain the forms of the teacher's speech act in an effort to apply CMV in Malay language teaching. This hermeneutic phenomenological study uses a pragmatic approach based on Searle's Speech Acts (1969). Sample surveys are drawn from 10 selected utterances that were taken from a transcription of video recording teaching Malay language that belongs to Educational Technology Division, Ministry of Education Malaysia. The results showed that the application of the CMV in Malay language teaching and learning can happen through the teacher's speech act.

Key words: Malay psyches; teaching and learning; Malay language; speech acts; pragmatic

PENDAHULUAN

Proses pengajaran Bahasa Melayu bukan sekadar untuk memberikan tumpuan terhadap sistem dan kemahiran berbahasa, malahan matlamat yang paling utama adalah untuk membentuk murid yang bersahsiah tinggi, mempunyai semangat nasionalisme terhadap negara, memahami budaya, pemikiran dan hati budi masyarakat Melayu (Mohd Khairid Abdul Wahab & Mohd Rashid Md. Idris, 2016). Pengajaran Bahasa Melayu yang hanya menitikberatkan penguasaan sistem bahasa dan kemahiran berbahasa hanya mampu melahirkan murid yang menguasai bahasa untuk tujuan praktis, seperti untuk lulus dalam peperiksaan dan sebagai syarat mengisi keperluan pekerjaan (Awang Sariyan, 2004; 2014). Oleh sebab itu, pengajaran Bahasa Melayu haruslah menekankan konsep pendekatan bersepadu. Pendekatan bersepadu ini bermaksud berlakunya proses penyerapan dan penggabungjalinan bahasa dengan aspek-aspek lain semasa berlangsungnya proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa. Hal ini selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang mahu melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Konsep kesepaduan ilmu ini mementingkan penyerapan nilai murni dalam proses PdP (Mohd Khairid Abdul Wahab, Mohd Rashid Md Idris & Abdul Kadir Ariffin, 2016, hlm. 20).

Dalam konteks penerapan nilai murni, Hashim Hj. Musa (2008) mengesyorkan supaya Teras Hati Budi Melayu (THBM) dijadikan sebagai nilai murni. Demi melestarikannya, guru-guru perlu menerapkan THBM dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP). Penerapan THBM bertujuan untuk melahirkan modal insan yang budiman, yang mempunyai tiga sifat utama, iaitu pertama; budi pekerti dan adab sopan yang mulia, kedua; budi bahasa dan budi bicara yang santun, bernas dan berwibawa; dan ketiga; akal budi atau hati budi yang tinggi dan bijaksana (Hashim Hj. Musa, 2008, hlm. 25-27). Kekerapan penerapan nilai murni dalam pengajaran guru Bahasa Melayu mempunyai hubungan yang signifikan yang positif dengan penghayatan nilai murni dalam kalangan murid-murid (Mohamad Khairi Haji Othman, 2014, hlm. 90). Hal ini menunjukkan bahawa semakin kerap guru-guru menerapkan nilai murni dalam sesi PdP, maka semakin meningkat penghayatan nilai murni dalam kalangan murid-murid. Sehubungan dengan itu, guru-guru Bahasa Melayu haruslah memainkan peranan yang besar dalam usaha menggerakkan gagasan penerapan nilai murni dalam sesi PdP Bahasa Melayu, khususnya nilai murni yang berteraskan THBM.

SOROTAN KAJIAN

Kajian Hashim Musa, Rozita Che Rodi dan Salmah Jan Noor Muhammad (2014, hlm. 14) menunjukkan “bahasa bukan setakat menjadi alat dan wadah komunikasi, malah bahasa juga amat besar peranannya dalam membentuk jati diri, memupuk semangat kekitaan (*esprit de corps*), integrasi dan maruah masyarakat penuturnya. Bahasa juga mencerminkan kehalusan dan kesopanan budi bahasa penuturnya dan ketinggian adab susilanya, dan menjadi asas dan unsur yang utama dalam pembentukan sesebuah peradaban. Bahasa juga menjadi alat pencatat, perakam, penimbun, penyebar dan pewaris khazanah ilmu pengetahuan dan kebijaksanaan sesuatu masyarakat dan bangsa yang diperturunkan dari generasi ke generasi”. Hal ini turut disokong oleh hasil kajian Mohamad Khairi Haji Othman (2014) yang menunjukkan bahawa pengajaran Bahasa Melayu yang bermutu dapat memupuk penghayatan nilai murni dalam kalangan para pelajar. Menurut pengkaji, semakin kerap guru menerapkan nilai, penghayatan nilai pelajar semakin dapat ditingkatkan (Mohamad Khairi Haji Othman, 2014, hlm. 10). Kajian yang dijalankan oleh Mohd Khairid Abdul Wahab dan Mohd Rashid Md. Idris (2016, hlm. 13) juga menunjukkan bahawa “pengajaran Bahasa Melayu perlu menekankan strategi penyerapan ilmu dan nilai. Dalam konteks pelaksanaan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Bahasa, strategi penyerapan bertujuan untuk mengisi aspek kandungan dan warisan yang perlu diperkenalkan kepada generasi muda dalam usaha mengekalkan dan meningkatkan penyatupaduan bangsa”.

Pembentukan Falsafah Pendidikan Bahasa berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan juga “merupakan kesepaduan antara Falsafah Pendidikan Kebangsaan dengan Falsafah Bahasa yang merangkumi inti pati konsep JERI dan tiga prinsip asas kesempurnaan berbahasa. Selain itu, Falsafah Pendidikan Bahasa juga selari dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang termaktub dalam Akta

Pendidikan 1996” (Mohd Rashid Hj. Md Idris & Abu Hassan Abdul, 2012). Awang Sariyan (2010) berpandangan bahawa Falsafah Pendidikan Bahasa yang utuh akan dapat menjadi penghubung bagi pembentukan dan pengukuhan jati diri bangsa dan tonggak pembinaan negara. Beliau juga berpandangan bahawa konsep pendekatan bersepadu dalam pendidikan Bahasa Melayu harus berpaksikan dua strategi, iaitu penggabungjalinan dan penyerapan ilmu serta nilai murni. Oleh itu, guru-guru Bahasa Melayu seharusnya menghayati dengan mendalamai Falsafah Pendidikan Bahasa dan memahirkan diri untuk melaksanakan amalan penggabungjalinan dan penyerapan ilmu serta nilai murni dalam pengajaran Bahasa Melayu. Menerusi amalan ini, ilmu, kemahiran dan nilai murni dapat disebar luas kepada murid-murid, bahkan amalan ini akan dapat menyemai semangat perpaduan dan patriotik dalam kalangan mereka. Nor Fariza Mohd Nor *et al.* (2017, hlm. 294) berpandangan bahawa bagi memastikan sesbuah kelompok itu berada dalam norma asalnya, jati diri dalam kalangan anggotanya haruslah dilestarikan. Pengukuran terhadap kualiti jati diri juga penting bagi memastikan jati diri sentiasa dijiwai dan kelangsungannya dikekalkan dari generasi ke generasi.

Proses PdP tidak dapat dipisahkan dengan amalan penerapan nilai murni (Tajul Ariffin Noordin & Nor' Aini Dan, 1992; Wan Mohd Zahid Mohd Noordin, 1993; Zakaria Kasa *et al.*, 1996). Malah, sarjana pendidikan bahasa Inggeris seperti Brown (1997), Johnston (2003) dan Shaaban (2005) menyatakan bahawa penerapan nilai murni dan sivik juga berlaku dalam PdP bahawa Inggeris. Hal ini dikatakan demikian kerana nilai murni dan sivik merupakan satu daripada empat tugas pembelajaran yang utama dalam PdP bahasa Inggeris, terutamanya dalam PdP bahasa Inggeris sebagai bahasa antarabangsa (Aminin, Huda, Ninsiana & Dacholfany, 2018). Dalam konteks sistem pendidikan di Hong Kong, kajian mendapati bahawa penerapan nilai murni dilaksanakan secara merentas kurikulum dan dilaksanakan dalam mata pelajaran yang popular seperti Bahasa Cina dan Sejarah Cina (Morris & Morris, 1999).

Dalam sistem pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia pula, amalan penerapan nilai-nilai murni tidak terhad pada mata pelajaran Pendidikan Islam, Pendidikan Moral dan Pendidikan Sivik serta Kewarganegaraan sahaja, malahan amalan tersebut turut dilaksanakan dalam semua mata pelajaran yang diajarkan, termasuk aktiviti luar kelas dan kegiatan kokurikulum (Hashim, 2000). Ketika pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM), KPM telah memberikan penekanan terhadap penerapan nilai murni. Penerapan nilai murni dalam mata pelajaran Bahasa Melayu KBSR dan KBSM adalah untuk melahirkan insan yang baik dan memiliki akhlak mulia. Selain itu, penghayatan dan amalan nilai murni juga bertujuan untuk membentuk generasi muda yang berhemah tinggi dan berperibadi mulia. Keprihatinan dan pemahaman bahawa Malaysia ialah negara pelbagai budaya harus dipupuk secara langsung dan tidak langsung (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003, hlm 15). Terdapat 17 nilai murni yang diterapkan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu KBSR, manakala untuk mata pelajaran Bahasa Melayu KBSM, tedapat 21 nilai murni yang diterapkan.

Dalam kurikulum yang terbaru, iaitu Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM), dinyatakan bahawa nilai murni diberikan penekanan dalam semua mata pelajaran supaya murid sedar akan kepentingannya dan mengamalkannya. Nilai murni yang merangkumi aspek kerohanian, kemanusiaan dan kewarganegaraan akan menjadi amalan dalam kehidupan harian. Salah satu objektif umum KSSM mata pelajaran Bahasa Melayu adalah untuk membolehkan murid menghayati dan mengamalkan nilai murni, sikap positif, semangat patriotik dan kewarganegaraan melalui aktiviti berbahasa. Dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSR dan KSSM, nilai murni yang perlu diterapkan dalam proses PdP tidak disenaraikan seperti yang tercatat dalamuraian sukanan pelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu KBSR dan KBSM, sebaliknya yang ditegaskan hanyalah “nilai murni bersifat sejagat serta selaras dengan agama, budaya dan norma masyarakat Malaysia” (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016, hlm. 10).

Hashim Hj. Musa (2008; 2012) mempunyai pandangan tersendiri tentang penerapan nilai murni dalam kalangan pengguna Bahasa Melayu. Setelah menjalankan kajian “Hati Budi Melayu: Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad ke-21” dan “Hati Budi Melayu: Kajian Keperibadian Sosial Melayu ke Arah Penjanaan Melayu”, Hashim Hj. Musa mendapati bahawa penerapan nilai murni berasaskan 26 Teras Hati Budi Melayu dapat membentuk modal insan yang budiman, mampu berbakti pada diri sendiri, bangsanya dan seluruh umat manusia. Menurut beliau, “daya usaha pemupukan kembali 26 THBM itu pada masa ini sangat mendesak demi menjana dan membina umat Melayu masa depan yang gemilang” (Hashim Hj. Musa *et al.*, 2012, hlm. 163-164).

Sungguhpun banyak kajian tentang penerapan nilai murni dalam pengajaran Bahasa Melayu telah dijalankan, tetapi masih belum ada kajian yang dijalankan terhadap penerapan hati budi Melayu dalam PdP Bahasa Melayu, khususnya yang melibatkan lakuhan pertuturan guru-guru Bahasa Melayu. Di Malaysia, terdapat dua kajian tentang lakuhan pertuturan guru dalam PdP Bahasa Melayu. Kajian yang dijalankan Zanariah Ibrahim, Maslida Yusof dan Karim Harun (2017) misalnya, berfokus pada penggunaan bahasa direktif yang dituturkan oleh guru pelatih Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dalam sesi PdP Bahasa Melayu di dalam kelas. Kajian tersebut mendapati bahawa guru pelatih menggunakan lakuhan bahasa direktif bagi memastikan sesi PdP yang dirancang berjalan lancar dan untuk mengawal disiplin murid ketika melaksanakan aktiviti. Lakuhan bahasa direktif yang digunakan ialah permintaan, pertanyaan, keperluan, larangan, permisif dan nasihat. Kajian Zainal (2017) pula telah melihat lakuhan ilokusi guru dalam pengajaran Bahasa Melayu. Kajian tersebut mendapati bahawa terdapat pelbagai lakuhan gramatis, seperti mendakwa, menyatakan, meminta, menasihati, merayu, mendedak, memerintahkan, mengesyorkan, memberikan motivasi, menyuruh, memohon, berjanji, mempelawa dan memujuk pada lakuhan ilokusi guru. Guru menggunakan lakuhan-lakuhan tersebut untuk bersaing, beramah-tamah dan berkolaboratif. Kedua-dua kajian yang dijalankan tersebut menjelaskan bahawa lakuhan pertuturan guru semasa berkomunikasi dalam PdP Bahasa Melayu berperanan untuk menyampaikan sesuatu mesej yang dapat memberikan kesan terhadap murid-murid.

Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan bagi menjelaskan bentuk lakuhan pertuturan guru dalam usaha menerapkan THBM dalam pengajaran Bahasa Melayu. Kajian ini terhad pada THBM daripada kelompok nilai seperti yang dicadangkan Rozita Che Rodi (2013).

Konsep dan Komponen Teras Hati Budi Melayu (THBM)

Kajian tentang konsep Teras Hati Budi Melayu telah dijalankan oleh Hashim Hj. Musa (2008; 2012). Rentetan daripada kajian tersebut, beliau telah membentuk 26 Teras Hati Budi Melayu (THBM) dan memberikan gelaran orang budiman kepada mereka yang mengamalkan hati budi Melayu ini. Berikut ialah senarai 26 THBM:

Jadual 1. Komponen THBM

Komponen	THBM
K1	Hidup berteraskan agama Islam.
K2	Pendidikan demi membentuk manusia yang berilmu, beradab, berbudi, bertakwa dan beramal.
K3	Nilai kerja yang mengutamakan kesungguhan, kecekapan, kerajinan & kerukunan bagi manfaat dunia dan akhirat sehingga ke anak cucu.
K4	Taat dan berkhidmat kepada ibu bapa serta memuliakan mereka.
K5	Setia kepada ketua yang adil dan terpuji.
K6	Halus budi bahasa dan budi pekerti.
K7	Sentiasa bermuafakat, bertegang rasa, tolong-menolong dan mengutamakan kebajikan umum dan hidup bermasyarakat.
K8	Hormat dan khidmat dalam pergaulan dan dengan tetamu.
K9	Sederhana bukan melampau dalam tutur kata dan tingkah laku, hemat dan cermat, tidak kasar, keras, militan dan ganas.
K10	Prihatin tentang harga diri, maruah yang terjelma dalam istilah “menjaga air muka” dan “rasa malu yang mendalam”.
K11	Tahu tempat letak sesuatu dan diri setiap orang dan bertindak sewajarnya.
K12	Membela dan mempertahankan kebenaran dan keadilan.
K13	Menanam budi dan membala budi.
K14	Sifat pemaaf dan pemurah.
K15	Sifat kasih sayang.
K16	Hidup sederhana.
K17	Setia dan rela berkorban.
K18	Sikap berdikari.
K19	Menghormati hak dan milik.
K20	Kejujuran dan keikhlasan.
K21	Berbaik sangka terhadap sesama makhluk.

K22	Sifat keterbukaan, tidak menyimpan rasa dan curang.
K23	Sifat amanah.
K24	Memanfaatkan waktu, tidak membuang masa.
K25	Memandang masa depan.
K26	Mensyukuri nikmat Allah.

Kajian Hashim Hj. Musa (2008; 2012) ini kemudiannya dikembangkan oleh Rozita Che Rodi (2013). Beliau telah memberikan inti sari makna bagi setiap 26 komponen THBM dan mengkategorikan 26 komponen THBM tersebut kepada empat kelompok, iaitu agama, didikan, ilmu dan nilai. Berikut ialah perincian bagi kelompok nilai.

Jadual 2. Komponen THBM Mengikut Kelompok Nilai dan Inti Sari Maknanya
(Diubah suai daripada Rozita Che Rodi, 2013)

KKF	Komponen THBM	Inti Sari Makna THBM
Nilai	K3	Nilai Kerja.
	K7	Muafakat dalam masyarakat.
	K9	Kesederhanaan dalam tingkah laku dan budi bicara.
	K10	Menjaga maruah diri.
	K13	Menanam budi dan membala budi.
	K14	Pemaaf dan pemurah.
	K15	Penyayang.
	K16	Merendah diri, tidak sombang.
	K17	Ikhlas dan pengorbanan.
	K19	Menghormati hak dan milik.
	K20	Kejujuran peribadi.
	K21	Berbaik sangka.
	K22	Keterbukaan pemikiran.
	K23	Amanah.

Kerelevan 14 komponen THBM tersebut dikategorikan dalam kelompok nilai disebabkan kesemua komponen tersebut merupakan sifat yang terpuji atau disanjung dan diterima dalam masyarakat. Menurut Rozita Che Rodi (2013, hlm.163), sifat yang terpuji atau yang disanjung itu menjelaskan perkaitannya dengan penentuan sifat keperibadian masyarakat Melayu. Sifat keperibadian masyarakat Melayu terbentuk sebagai akibat pengalaman asasi dan cara hidup yang dikongsi bersama oleh mereka. Mereka yang memiliki sifat dan keperibadian masyarakat Melayu yang terpuji dan disanjung dianggap sebagai peribadi-peribadi yang cukup ajar, iaitu mereka telah melalui proses sosialisasi dan pembudayaan yang sempurna dan layak dinamakan sebagai orang “budiman”, iaitu “peribadi idaman atau misali”. Mereka yang bertindak bertentangan dengan sifat dan keperibadian masyarakat Melayu yang terpuji dan disanjung dianggap sebagai individu yang kurang ajar atau kurang adab dan yang terburuk ialah yang biadab, bacul dan khianat (Hashim Hj. Musa, 2008, hlm. 13)

Dalam hal ini, 14 komponen THBM dalam kelompok nilai memperlihatkan bahawa komponen-komponen tersebut merupakan sifat dan keperibadian orang Melayu yang bernilai tinggi. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap satu daripada 14 komponen THBM tersebut menunjukkan bahawa pembentukannya berkait dengan nilai yang dianggap benar, baik, indah, berguna, dan diingini.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian berbentuk fenomenologi hermeneutik. Kajian ini turut menggunakan kaedah tidak menonjol (*unobtrusive research*) dengan menggunakan kaedah pemerhatian berstruktur dan mengaplikasikan teknik analisis kandungan. Selain itu, kajian ini menggunakan teknik persampelan bertujuan dengan menjadikan rakaman video pengajaran Bahasa Melayu milik Bahagian Teknologi Pendidikan (BTPN) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sebagai sampel kajian. Menurut Pink (2001), Rose (2001), Hesse-Biber dan Leavy (2005), dan Banks (2007), rekod video seperti ini mampu memberikan banyak maklumat untuk sesuatu kajian.

Rakaman video pengajaran Bahasa Melayu tersebut diperoleh daripada empat buah BTPN, iaitu BTPN Pulau Pinang, BTPN Selangor, BTPN Kelantan dan BTPN Johor. Oleh itu, kebenaran untuk menggunakan rakaman video pengajaran Bahasa Melayu telah diperoleh daripada BTPN KPM.

Sebanyak lapan rakaman video pengajaran Bahasa Melayu telah ditonton dan ditranskripsikan secara verbatim. Kesemua ujaran yang terdapat dalam lapan transkrip verbatim rakaman pengajaran Bahasa Melayu tersebut disaring dan dikategorikan kepada 14 tema mengikut kelompok nilai THBM seperti yang dicadangkan oleh Rozita Che Rodi (2013).

Setelah membuat pengkategorian tersebut, semua ujaran yang terdapat pada setiap 14 tema tersebut disemak semula bagi memastikan tidak terdapat ujaran yang sama pada setiap tema. Hasilnya, terdapat 229 ujaran yang sepadan dengan 14 komponen THBM daripada kelompok nilai. Seterusnya, hanya 10 ujaran terpilih (UP) yang berada dalam kelompok nilai tersebut dianalisis secara mendalam. Maklumat 10 UP tersebut adalah seperti yang terdapat dalam Jadual 3.

Jadual 3.10 Ujaran Pilihan (UP) yang Mempamerkan THBM bagi Kelompok Nilai

Ujaran Pilihan (UP)	Nombor	Komponen THBM
THB/3-1/P-CZ	1	K3
THB/9-3/J-CR	2	K9
THB/14-1/K-CH	3	K13
THB/14-2/S-CA&CF	4	K14
THB/5-2/P-CZ	5	K17
THB/19-1/S-CA&CF	6	K19
THB/20-4/J-CR	7	K20
THB/21-1/J-CR	8	K21
THB/22-11/M-CN	9	K22
THB/23-1/S-CA&CF	10	K23

10 UP tersebut dipilih sebagai data kajian kerana kesemuanya menepati objektif kajian ini dan dapat dianalisis secara deskriptif berdasarkan pendekatan pragmatik, iaitu dengan menggunakan Lakuan Pertuturan Searle (1969), yang menekankan aspek lokusi, ilokusi dan perllokusi. Dalam konteks kajian ini, penerapan THBM hanya dapat digambarkan secara jelas melalui lakuan pertuturan kerana apabila seseorang penutur mengujarkan sesuatu bahasa, penutur biasanya akan melakukan lakuan pertuturan (Saimon & Hamzah, 2019). Lakuan bahasa tersebut lokusi, ilokusi dan perllokusi. Lokusi merupakan gerak laku ketika menuturkan satu-satu ayat dengan makna tertentu. Illokusi pula merujuk niat penutur yang mungkin berniat untuk memuji, mengkritik, menyetujui dan sebagainya. Perllokusi merupakan tindak balas tertentu yang bersifat langsung daripada pendengarnya (Kempson, 1991, hlm. 62). Bagi menjelaskan illokusi dengan lebih mendalam, Searle telah mengkategorikan lakuan illokusi kepada lima kategori. Setiap kategori tersebut mempunyai pelbagai jenis lakuan gramatis seperti contoh yang terdapat dalam jadual yang berikut :

Jadual 4. Kategori Lakuan Ilokusi Searle (1969) dan Contoh Lakuan Gramatisnya

Lakuan illokusi	Takrif	Contoh Lakuan Gramatis
Penegasan	Lakuan yang mengakibatkan penutur bertanggungjawab terhadap sesuatu kebenaran, sama ada yang betul atau salah	menyatakan, memperkatakan, menengaskan, membetulkan, meramal, melaporkan, mengingatkan, menerangkan, memaklumkan, menyakinkan, menuntut, menyetujui, meneka, mempercayai, membuat kesimpulan, dan lain-lain
Arahan	Lakuan yang dibuat untuk mengarahkan pendengar melakukan sesuatu.	meminta, menuntut, menyoal, bertanya, menasihati, mencadangkan, menyiasat, mendesak, mendorong, mengajak, merayu, memesan dan lain-lain.
Ekspresif	Lakuan yang mengambarkan perasaan penutur.	mengucapkan terima kasih, mengucapkan tahniah, memaafkan, menuduh, memuji, mengucap takziah
Komisif	Lakuan menyebabkan penutur perlu melakukan sesuatu pada masa hadapan.	menjemput, mengizinkan, bersumpah, berjanji dan lain-lain

Pengisytiharan	lakuan institusi dan bukannya lakuan peribadi, biasanya dilakukan oleh seseorang yang ditauliahkan secara khusus untuk melakukannya.	meletak jawatan, menamatkan perkhidmatan seseorang, menamakan, memutuskan hubungan, melantik, menjatuhkan hukuman dan lain-lain.
----------------	--	--

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dalam PdP Bahasa Melayu, guru cuba untuk menerapkan pelbagai nilai THBM. Penerapan nilai THBM dapat dilihat melalui lakuan pertuturan guru. Jadual 5 di bawah menunjukkan lakuan pertuturan bagi UP(1):

Jadual 5. Lakuan Pertuturan UP(1)

Lokusi	Tolong tulis cantik-cantik. Perkataan-perkataan kamu tolong tulis cantik-cantik. Suku kata-suku kata tolong tulis cantik-cantik. Jarakkan suku kata, perkataan dengan perkataan ya. Tolong kamu punya ni bagi ada tanda sempang ya.
Lakuan ilokusi	Arahan.
Lakuan gramatis	Memohon.

UP(1) dalam Jadual 5 menunjukkan bahawa guru cuba menerapkan nilai kerja yang mengutamakan kekemasan dan mematuhi peraturan kepada murid-murid. Lakuan ilokusi dalam UP(1) berbentuk arahan, iaitu guru memohon murid-murid menulis maklumat pada lembaran kerja dengan elok. Menulis dengan elok bukan sekadar cantik atau kemas dari segi susunan perkataan, malahan murid-murid juga perlu mematuhi peraturan sistem bahasa, khususnya dari segi tanda baca. Hal ini terbukti melalui ayat “Jarakkan suku kata, perkataan dengan perkataan ya. Tolong kamu punya ni bagi ada tanda sempang ya.”. Kesungguhan guru untuk menerapkan nilai kerja yang mengutamakan kekemasan dan mematuhi peraturan pada murid-murid dapat diperhatikan dalam ujaran berikut:

“Ok cuba tengok, lepas kata ganda ni kita tulis buku-buku. Ada huruf besar tak sini? Kata ganda selepas tanda sempang tak boleh huruf besar ya. Tak boleh huruf besar. Mesti huruf kecil. Selepas sempang. Ada yang tulis huruf besar tadi, tolong padam tulis huruf kecil.”

Menurut Searle (1969), lakuan ilokusi berbentuk arahan digunakan untuk menghasilkan kesan tertentu melalui lakuan yang dibuat oleh penutur, ditambah lagi penggunaan perkataan “tolong” yang bersifat lunak dan santun. Aspek kesantunan sangat bermakna dan penting dalam semua bentuk komunikasi, khususnya komunikasi dalam bilik darjah (Beden, 2019). Berdasarkan lakuan ilokusi arahan tersebut, murid-murid berusaha menulis dengan elok. Bagi memastikan arahan guru tersebut dipatuhi, ada kalangan murid-murid yang mengambil masa yang lama untuk menyiapkan kerja tersebut. Hal ini terbukti melalui ujaran yang terdapat dalam dialog di bawah:

CIKGU: Ok kumpulan yang dah siap, ketua kumpulan tolong kutip lembaran tu. Ketua kumpulan. Kalau kawan dia semua dah siap baru dia kutip. Kalau kawan dia tak siap, tunggu dulu. Ketua kumpulan. Ha, ketua kumpulan tolong kutip.

MURID-MURID: Tak siap lagi! Dia tak siap lagi!

UP(2) “Belum balik lagi sayang.” dalam Jadual 6 di bawah menunjukkan bahawa guru cuba menerapkan nilai kesederhanaan dalam tingkah laku dan budi bicara, terutamanya dalam situasi kelam-kabut. UP(2) merupakan ayat penyata dan ujaran “Letak beg dulu.” merupakan ayat perintah. Berdasarkan Jadual 6, UP(2) mengandungi lakuan ilokusi gabungan. Lakuan ilokusi gabungan merujuk gabungan beberapa kategori lakuan ilokusi (Maslida Yusof & Karim Harun, 2015).

Jadual 6. Lakuan Pertuturan UP(2)

Lokusi	Belum balik lagi sayang. Letak beg dulu.
Lakuan ilokusi	Penegasan dan arahan.
Lakuan gramatis	Memberitahu dan menyuruh.

Dalam konteks UP(2), lakuan ilokusi gabungan yang dimaksudkan ialah lakuan penegasan dan arahan, iaitu penegasan; guru memberitahu murid-murid bahawa sesi PdP belum tamat, manakala lakuan arahan; guru menyuruh murid-murid meletakkan beg yang dipikul mereka di tempat duduk masing-masing. Guru cuba membuat penegasan dan memberikan arahan tersebut secara lembut dan berhemah meskipun keadaan pada ketika itu kelam-kabut, iaitu apabila ada sebilangan murid-murid yang sedang mengemaskan meja dan beg, ada yang sedang mengumpulkan hasil kerja kumpulan untuk diserahkan kepada guru dan ada yang sedang memasukkan papan pilihan ke dalam bakul yang disediakan oleh guru. Hal ini dapat diperhatikan dalam ujaran berikut:

“... Cikgu minta sekarang serahkan kamu punya *task* kamu kepada *group leader*. *Task* kamu kepada *group leader*. Simpan ke dalam bekas. Vinesh nak ke mana Vinesh? Ish ish ish Avinesh. *Group leader* masukkan ke dalam sana. *Assessment* boleh bagi dekat cikgu. *Choice board* letak dalam bakul. Ha susun betul-betul. Ok. Kelas cepat. Itu kena susun. Jangan baling-baling je. Kena susun elok-elok.”

Walaupun nilai yang hendak diterapkan tersebut agak kabur, namun penggunaan perkataan “sayang” dapat memberikan gambaran kepada murid-murid bahawa guru cuba mengawal emosinya supaya bersikap sederhana tanpa memarahi mereka ketika membuat penegasan dan arahan. Kesannya, murid-murid terus duduk di tempat masing-masing, meskipun ada beberapa orang murid yang berdiri di tempat masing-masing kerana tidak sabar untuk keluar daripada kelas. Lakuan pertuturan guru ternyata dapat menerapkan THBM kerana keberkesanannya sesuatu ujaran bergantung pada bentuk linguistik yang digunakan oleh penutur kepada pendengar (Saimon & Zainon Hamzah, 2019).

Dalam PdP Bahasa Melayu, guru didapati cuba menerapkan nilai menanam budi dan membalias budi. Hal ini dapat dilihat melalui UP(3) yang terdapat dalam Jadual 7 di bawah:

Jadual 7. Lakuan Pertuturan UP(3)

Lokusi	Sebagai kita menghargai apa tu pandangan yang diberikan oleh Alisa dan juga tahniah kerana murid kita mengajukan soalan yang cikgu rasa sangat bagus. Ok kita ni. Tolong tampalkan. Tampalkan untuk. Dan tampalkan juga untuk wakil kumpulan.
Lakuan ilokusi	Ekspresif dan arahan.
Lakuan gramatis	Memuji dan memohon.

UP(3) dalam Jadual 7 menunjukkan bahawa guru cuba menerapkan nilai menanam budi dan membalias budi. Lakuan ilokusi dalam UP(3) berbentuk lakuan ekspresif dan arahan (gabungan), iaitu guru memuji dan memohon agar murid-murid memberikan penghargaan kepada Alisa dan rakannya kerana mereka mengemukakan pandangan yang bernes dan soalan yang bagus. Pandangan bernes yang dikemukakan oleh Alisa dapat diperhatikan dalam dialog di bawah:

ALIYA: Apakah yang dimaksudkan dengan keperibadian Islam oleh penulis dalam perenggan kedua baris kedua.

ALISA: Terima kasih kepada yang bertanya.

ALISA: Yang dimaksudkan dengan keperibadian Islam oleh penulis adalah penulis bercita-cita untuk melahirkan murid yang bukan saja bijak dan cemerlang dalam bidang akademik sahaja, bahkan penulis bercita-cita untuk melahirkan modal insan yang dapat menyumbang kepada masyarakat yang berakhhlak mulia selaras dengan tuntutan agama Islam.

Perkataan “tahniah” dan “tolong” dalam UP(3) menyerahkan lagi lakukan lokusi guru dalam menerapkan nilai mananam budi dan membalias budi. Nilai ini cuba diterapkan oleh guru kepada murid-murid supaya mereka dapat menjadi insan yang budiman yang sentiasa berbudi dan menghargai satu sama lain.

Selain itu, dalam PdP Bahasa Melayu guru juga menerapkan nilai pemaaf dan pemurah. Hal ini dapat diperhatikan dalam Jadual 8 di bawah:

Jadual 8. Lakuan Pertuturan UP(4)

Lokusi	Jadi pastikan nanti semasa menulis ayat huriahan, minta bantuan cikgu kalau awak tak jelas tentang ayat tersebut.
Lakuan ilokusi	Arahan.
Lakuan gramatis	Menasihati.

Lakukan ilokusi dalam UP(4) berbentuk arahan, iaitu guru menasihati murid-murid supaya bertanya pada guru sekiranya ada kemusykilan ketika membina ayat. Guru terus memberikan nasihat kepada murid-murid meskipun mereka berulang kali melakukan kesilapan yang sama. Hal ini dapat diperhatikan dalam ujaran di bawah:

Yang penting hari ni, kami nak awak boleh, ini pun ada sedikit kecacatan segi tatabahasa, yang ini, kita akan buat selepas ini. Jadi cuba bayangkan kalau ayat topik yang lebih kurang tiga baris, bunga-bunga raya yang ada ni, (*merujuk kepada kesalahan bahasa*). Jadi pastikan nanti semasa menulis ayat huriahan, minta bantuan cikgu kalau awak tak jelas tentang ayat tersebut. Sebab kita nak meminimumkan kesalahan bahasa. Ok. Baik.

Perkataan “jadi” dalam ujaran di atas merupakan adverba anafora yang tergolong dalam subsistem “akibat” (Asmah Hj. Omar, 2008), manakala Mohd Rashid Md Idris *et al.* (2012) berpendapat perkataan “jadi” merupakan penanda wacana yang berfungsi “sebab dan kesan”. Penggunaan perkataan “jadi” dalam ujaran di atas bertujuan memudahkan pendengar supaya dapat mengaitkan ayat sebelum dengan ayat yang berikutnya (Zamri Salleh & Abdullah Sukor Shaari, 2009). Oleh hal yang demikian, ayat “Jadi pastikan nanti semasa menulis ayat huriahan, minta bantuan cikgu kalau awak tak jelas tentang ayat tersebut” merupakan akibat-sebab-kesan melakukan kesalahan tatabahasa seperti yang digambarkan dalam ayat-ayat sebelumnya, iaitu “Yang penting hari ni, kami nak awak boleh, ini pun ada sedikit kecacatan segi tatabahasa, yang ini, kita akan buat selepas ini. Jadi cuba bayangkan kalau ayat topik yang lebih kurang tiga baris, bunga-bunga raya yang ada ni (*merujuk kepada kesalahan bahasa*). Perlakuan guru yang terus memberikan nasihat dan tidak memarahi murid-murid kerana melakukan kesalahan, jelas sekali menonjolkan nilai pemaaf dan pemurah. Dalam konteks masyarakat Melayu, ungkapan bermurah hati merujuk keadaan atau sifat keperibadian masyarakatnya yang saling memaafkan antara satu sama lain (Rozita Che Rodi, 2013).

Dalam konteks PdP, lakukan nasihat memerlukan tindak balas daripada murid-murid untuk tujuan meneguhkan sifat patuh kepada guru. Hal ini bukanlah satu kemestian dan tidak dapat dipenuhi dalam semua konteks sepertimana yang dinyatakan oleh Zanariah Ibrahim, Maslida Yusof dan Karim Harun (2017, hlm. 165) “lakukan nasihat juga tidak boleh dianggap sebagai meminta pendengar melakukan lakukan tersebut.” Berdasarkan lakukan ilokusi dalam UP(4), analisis data menunjukkan bahawa perlokusinya ialah murid-murid memberikan tumpuan ketika guru memberikan nasihat. Hal ini menunjukkan bahawa berlakunya tindak balas terhadap lakukan pertuturan guru. Tindak balas murid-murid tersebut mencerminkan bahawa nilai murni yang diterapkan oleh guru melalui tutur katanya dihayati oleh mereka.

UP(5) dalam Jadual 9 pula menunjukkan bahawa guru cuba menerapkan nilai ikhlas dan rela berkorban. Lakukan ilokusi dalam UP(5) berbentuk arahan, iaitu guru memohon agar ketua kumpulan mengutip lembaran kerja ahli kumpulan. Permohonan tersebut dapat difahami melalui perkataan “tolong”.

Jadual 9. Lakuan Pertuturan UP(5)

Lokusi	Ok kumpulan yang dah siap, ketua kumpulan tolong kutip lembaran tu. Ketua kumpulan. Kalau kawan dia semua dah siap baru dia kutip. Kalau kawan dia tak siap, tunggu dulu. Ketua kumpulan. Ha, ketua kumpulan tolong kutip.
Lakuan ilokusi	Arahan.
Lakuan gramatis	Memohon.

Melalui ujaran UP(5), ketua kumpulan dilatih menjalankan arahan yang diberikan oleh guru dengan ikhlas dan rela berkorban dengan cara menunggu rakan-rakan lain menyiapkan tugasannya. Selepas itu, barulah ketua kumpulan mengumpulkan kesemua lembaran kerja dan menyerahkannya kepada guru. Walaupun ujaran tersebut ditujukan kepada ketua kumpulan, tetapi nilai yang terkandung dalam ujaran tersebut secara tidak langsung dapat difahami oleh murid-murid yang lain.

Hasil daripada lakuan ilokusi tersebut, ketua kumpulan dapat memenuhi permohonan guru tersebut dengan mengutip lembaran kerja rakan-rakan yang telah menyiapkannya dan menunggu sambil membantu rakan-rakan yang masih belum menyiapkannya. Hal ini dapat diperhatikan melalui interaksi perbualan berikut:

CIKGU: Ok kumpulan yang dah siap, ketua kumpulan tolong kutip lembaran tu. Ketua kumpulan. Kalau kawan dia semua dah siap baru dia kutip. Kalau kawan dia tak siap, tunggu dulu. Ketua kumpulan. Ha, ketua kumpulan tolong kutip.

MURID-MURID: Tak siap lagi! Dia tak siap lagi!

CIKGU: Ha yang tak siap tolong bantu. Kawan kamu tak siap, kumpulan kamu tak siap, tolong bantu. (*Murid-murid bercakap-cakap*). Kalau dah siap, mai bagi kat cikgu, ketua kumpulan. (*Murid menyerahkan lembaran-lembaran kepada guru*). Ok ketua kumpulan Alif dah siap dulu ya. Alif mai sini. (*Alif datang kepada guru*). Ok, dalam kumpulan tolong buat peta titi. Buat peta titi. (*Guru menunjukkan kad manila*). Ok pi buat dalam kumpulan. (*Guru beri kad manila dan pen marker kepada Alif*).

Penerapan nilai menghormati hak dan milikan dapat dilihat melalui ujaran “Jangan guna Bahasa Inggeris eh. Guna Bahasa Melayu sebab ini subjek Bahasa Melayu.” Perincianya dapat difahami berdasarkan Jadual 10 di bawah:

Jadual 10. Lakuan Pertuturan UP(6)

Lokusi	Jangan guna Bahasa Inggeris eh. Guna Bahasa Melayu sebab ini subjek Bahasa Melayu.
Ilokusi ilokusi	Arahan.
Lakuan gramatis	Melarang.

Berdasarkan Jadual 10, UP(6) menunjukkan bahawa guru cuba menerapkan nilai menghormati hak dan milikan. Lakuan ilokusi dalam UP(6) berbentuk arahan, iaitu guru melarang murid bukan penutur jati Bahasa Melayu bertutur menggunakan bahasa Inggeris dalam sesi PdP bahasa Melyu. Guru berkata demikian kerana mahu murid-murid tersebut belajar menghormati Bahasa Melayu sebagai “bahasa bilik darjah” (*language classroom*) dan bahasa pengantar bagi mata pelajaran Bahasa Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana alam Melayu mendidik warganya menghormati hak dan milik (Hashim Hj. Musa, 2008, hlm. 11). Sebagai kesan lakuan ilokusi arahan tersebut, murid-murid bukan bangsa Melayu tersenyum dan mengangguk-angguk tanda bersetuju dengan arahan guru. Di samping itu, Guru A juga bersepakat dengan larangan yang dikeluarkan oleh Guru B dengan memberikan tindak balas seperti dalam dialog di bawah:

CIKGU B: Jangan guna Bahasa Inggeris eh. Guna Bahasa Melayu sebab ini subjek Bahasa Melayu.

GURU A: Sekarang kita belajar Bahasa Melayu, bukan Bahasa Cina, Bahasa Tamil, Bahasa Inggeris. Jangan tanya orang. Awak kongsi perasaan dengan dia ke? Ha, tidur sebantal mimpi pun lain-lain. Ok? Tulis.

Jadual 11. Lakuan Pertuturan UP(7)

Lokusi	...Yang tak boleh jujur ya. Jujur dengan cikgu, jujur dengan diri kamu sendiri.
Lakuan ilokusi	Arahan.
Lakuan gramatis	Meminta.

Dalam Jadual 11 pula, UP(7) menunjukkan bahawa guru cuba menerapkan nilai kejujuran peribadi. Lakuan ilokusi dalam UP(7) berbentuk arahan, iaitu guru meminta murid-murid supaya berlaku jujur dengan guru dan diri sendiri. Guru berkata demikian kerana ada sebilangan murid-murid yang didapati tidak menunjukkan ibu jari dengan cara yang betul sebagai isyarat tanda faham atau tidak faham. Hal ini dapat diperhatikan dalam dialog di bawah:

CIKGU RIZAL: Lutfi dengan Avinesh eh. Lutfi boleh buat?
Avinesh: Boleh.

CIKGU RIZAL: Ada perkataan yang Lutfi tak boleh buat. Betul-betul cikgu nak tengok.
Thumbs up! Sehra betul-betul Sehra. Cikgu tak nampak. Jangan gini, gini, gini. (*Guru menggoyang-goyangkan tangan*). *Thumbs up* betul-betul. *Thumbs up means* kat atas. (*Guru menunjukkan thumbs up*). *Eyes on me. Eyes on me.*

Lakuan ilokusi berbentuk arahan juga dikenali sebagai lakuan direktif yang digunakan untuk mencuba dengan darjah yang berbeza untuk membuat si pendengar melakukan sesuatu (Searle, 1969). Sebagai kesan lakuan ilokusi arahan tersebut, murid-murid mengangkat tangan ke udara sambil menunjukkan ibu jari dengan sebaik mungkin. Hakikatnya, sifat “jujur” tidak akan menjadi suatu jati diri dalam membentuk nilai identiti seseorang, tetapi sifat tersebut harus diamalkan secara terus-menerus. Hal ini dapat dilatih sejak kecil supaya setiap individu akan terbiasa dengan perihal “kejujuran” dalam bertindak dan bertutur (Rozita Che Rodi, 2013, hlm. 230).

Nilai THBM berbaik sangka turut diterapkan oleh guru dalam PdP Bahasa Melayu. Hal ini dapat diperhatikan dalam Jadual 12:

Jadual 12 . Lakuan Pertuturan UP(8)

Lokusi	Boleh, mesti boleh punya.
Lakuan ilokusi	Penegasan.
Lakuan gramatis	Menyatakan.

UP(8) dalam Jadual 12 jelas menunjukkan bahawa guru cuba menerapkan nilai berbaik sangka. Ujaran “Boleh, mesti boleh punya.” mengandungi lakuan ilokusi berbentuk penegasan atau dikenali sebagai representatif. Lakuan ilokusi jenis ini mempertanggungjawabkan penutur akan kebenaran proposisi yang diungkapkan (Searle, 1969), iaitu guru menyatakan bahawa murid boleh menyebut imbuhan akhiran, seperti yang dilakukan oleh rakan-rakannya. Guru berkata demikian kerana ingin bersangka baik terhadap murid tersebut walaupun murid tersebut merupakan seorang murid yang lemah dan pemalu. Di samping itu, ujaran tersebut juga berupa pembakar semangat pada murid tersebut. Hal ini dapat diperhatikan dalam dialog berikut:

CIKGU RIZAL: Lutfi masih tak tepuk. Lutfi. Cikgu minta, arahan cikgu, hujung ayat ada apa, tanda apa Lutfi? (*Lutfi senyap*)

CIKGU RIZAL: Tanda apa? Tanda apa ni Lutfi? (*Lutfi senyap*)

CIKGU RIZAL: Kawan-kawan tanda apa ni?

Murid-murid: Noktah!

CIKGU RIZAL: Tanda apa?

Murid-murid: Noktah!

Berdasarkan dialog di atas, rakan-rakan murid yang lemah tersebut turut bersangka baik dengan cara membantunya menyebut imbuhan akhiran. Hasilnya, murid yang lemah tersebut dapat bertindak balas dengan menyebut imbuhan akhiran seperti yang diminta oleh guru. Hal ini dapat dilihat berdasarkan konteks interaksi perbualan seperti berikut:

LUTFI: Ber-.

CIKGU RIZAL: Tu awal. Awal, awal. Siapa nak bantu Lutfi?

CIKGU RIZAL: Apple.

APPLE: -an.

CIKGU RIZAL: -an. Sebut.

LUTFI: -an.

APPLE: -kan.

LUTFI: -kan.

CIKGU RIZAL: -kan. Ok ulang balik akhiran?

LUTFI: -an.

CIKGU RIZAL: -an. Lagi satu?

LUTFI: -kan.

CIKGU RIZAL: -kan. Ok tepuk tangan untuk Lutfi. Boleh pun. Ok sekarang pulangkan balik token cikgu. (*Murid-murid memulangkan semula token kepada guru*). Ok tengok balik yang pertama. Menyatakan. Baca sama-sama.

MURID-MURID: Menyatakan imbuhan awalan dan akhiran.

UP(9) "...Bagaimana pendapat kamu tentang hasil laporan Kumpulan 1? Siapa boleh beri pendapat?" dalam Jadual 13 di bawah menunjukkan bahawa guru cuba menerapkan nilai keterbukaan pemikiran. Lakuan ilokusi dalam UP(9) berbentuk arahan, iaitu guru meminta murid-murid memberikan ulasan terhadap hasil laporan kumpulan 1.

JADUAL 13. Lakuan Pertuturan UP(9)

Lakuan Lokusi	...Bagaimana pendapat kamu tentang hasil laporan Kumpulan 1? Siapa boleh beri pendapat?
Lakuan Ilokusi	Arahan.
Lakuan gramatis	Meminta.

Arahan yang dibuat oleh guru jelas bertujuan untuk memberikan galakan kepada murid-murid supaya mereka bersikap berani untuk mengemukakan pandangan dan bersedia dikritik. Sebagai kesan lakuan ilokusi tersebut, murid-murid telah mengangkat tangan meminta izin daripada guru untuk memberikan pandangan terhadap ulasan kumpulan 1. Hal ini dapat dibuktikan berdasarkan dialog di bawah:

CIKGU: Baik, bagus. Ok. (*Hamizatul kembali ke tempat duduk*). Bagaimana pendapat kamu tentang hasil laporan Kumpulan 1? Siapa boleh beri pendapat?

(*Murid-murid mengangkat tangan*)

MURID-MURID: Saya!

CIKGU: Ya, Nazar.

NAZARRUDIN: Pada pendapat saya, ulasannya baik dan jelas cikgu.

CIKGU: Ya, cikgu pun setuju dengan pendapat Nazarrudin. Kamu setuju tak?

MURID-MURID: Setuju.

Selain menerapkan nilai keterbukaan pemikiran, guru juga menerapkan nilai amanah dalam PdP Bahasa Melayu. Perincian tentang hal ini dapat dilihat pada lakuan pertuturan UP(10) dalam jadual 14 di bawah.

Jadual 14. Lakuan Pertuturan UP(10)

Lokusi	...Penjaga masa pastikan anda menjaga masa.
Lakuan ilokusi	Arahan.
Lakuan gramatis	Menyuruh.

Lakuan ilokusi dalam UP(10) berbentuk arahan, iaitu guru menyuruh penjaga masa bersifat amanah. Hal ini demikian kerana setiap kumpulan mempunyai penjaga masa masing-masing. Guru menyuruh penjaga masa berbuat demikian kerana guru mahu mereka jujur dan tidak menyebelahi kumpulan masing-masing. Hal ini dapat diperhatikan dalam interaksi perbualan di bawah:

GURU A: Ok bagus, semua jelas. Ingat, awak perlu rujuk pada petikan sebab dalam petikan pun dah ada idea-idea ataupun isi-isi penting. (*Guru A ke meja pelajar sementara Cikgu Faiz memberi penjelasan kepada kumpulan pelajar yang lain*). Sini? Belum tulis. Pencatat, mana pencatat? (*Pelajar mengambil papan putih*)
GURU A: Siapa penjaga masa?
(*Pelajar lelaki B mengangkat tangan*)
(*Guru A mengangguk faham*)

Sebagai akibat atau kesan langsung lakuan ilokusi tersebut, penjaga masa mula menjalankan tugas masing-masing dengan amanah. Lakuan perlokusi ini penting bagi membuktikan bahawa penjaga masa menjalankan tugasnya dengan penuh rasa tanggungjawab kerana perlakuan tersebut merupakan sebahagian sifat amanah. Pembentukan sifat amanah tersebut ada hubung kaitnya dengan kepercayaan dan rasa hormat orang lain terhadap individu yang menampakkan diri sebagai seorang yang amanah dalam melaksanakan tanggungjawabnya (Rozita Che Rodi, 2013).

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa THBM dapat diterapkan oleh guru-guru dalam pengajaran Bahasa Melayu, khususnya komponen THBM kelompok Nilai. Kajian ini menunjukkan bahawa proses penerapan komponen THBM dalam kelompok Nilai tersebut dilakukan oleh guru-guru melalui ujaran mereka ketika sesi PdP, sama ada secara tersurat atau tersirat. Ujaran yang dituturkan tersebut menggunakan bahasa yang ringkas, mudah difahami oleh murid-murid, tidak berbunga-bunga dan tidak melankolik.

Secara khususnya, THBM yang terkandung dalam ujaran guru-guru dapat dikenal pasti dan difahami melalui lakuan pertuturan mereka. Penggunaan perkataan seperti “tahniah”, “tolong” dan “jangan” merupakan contoh bentuk kata yang berkesan bagi memahami lakuan ilokusi guru. Lakuan-lakuan gramatis seperti memohon, memberitahu, menyuruh, memuji dan memohon, menasihati, melarang, meminta, dan menyatakan yang berhasil dalam lakuan ilokusi guru-guru dapat membantu murid-murid untuk memahami hasrat guru bagi menerapkan THBM. Reaksi ataupun tindak balas murid-murid terhadap lakuan ilokusi guru-guru mengukuhkan lagi hujah tersebut.

Oleh sebab Bahasa Melayu dipelajari oleh semua kaum yang ada di Malaysia, THBM perlu disaring untuk disesuaikan dengan nilai murni yang bersifat sejagat dan selaras dengan agama, budaya dan norma masyarakat Malaysia. Antara teras hati budi Melayu yang paling relevan untuk diterapkan dalam PdP Bahasa Melayu pada masa ini ialah “Sederhana bukan melampau dalam tutur kata dan tingkah laku, hemat dan cermat, tidak kasar, tidak keras, tidak militan dan tidak ganas.” Nilai kesederhanaan ini amat perlu diterapkan kepada murid-murid supaya mereka dapat mengamalkan kesederhanaan dalam setiap aspek kehidupan dan menjauahkan diri daripada perbuatan melampau yang boleh menjerumuskan diri mereka dalam aktiviti ganas dan militan. Penerapan nilai ini juga secara tidak langsung akan dapat menangkis salah tanggap yang dibuat oleh masyarakat dunia terhadap konsep pelampau dan militan yang dianggap hanya wujud dalam kalangan penganut agama Islam. Bahkan, konsep ini juga muncul dan menular dalam kalangan penganut agama dan kepercayaan lain. Untuk melahirkan modal insan yang budiman, THBM wajar diterapkan dalam PdP Bahasa Melayu. Penerapan nilai murni yang berteraskan hati budi Melayu dalam PdP Bahasa Melayu bukan sahaja dapat

membentuk keperibadian yang mulia dalam kalangan murid-murid, malah dapat membentuk generasi muda yang mampu memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran kepada negara.

PENGHARGAAN

Geran Penyelidikan Jangka Pendek Universiti Sains Malaysia (304/PGURU/6315134)

RUJUKAN

- Aminin, S., Huda, M., Ninsiana, W., & Dacholfany, M. I. (2018). Sustaining civic-based moral values: Insights from language learning and literature. *International Journal of Civil Engineering and Technology*, 9(4), 157-174.
- Asmah Haji Omar. (2000). *Wacana perbincangan, perbahasan dan perundingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2008). *Nahu kemas kini: Panduan bahasa yang baik dan betul*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Awang Sariyan. (2004). *Teras pendidikan Bahasa Melayu asas pegangan guru*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Awang Sariyan. (2010). *Keperluan akan falsafah bahasa yang wajar*. Diambil daripada <http://klikweb.dbp.my/wordpress/?p=910>
- Awang Sariyan. (2014). *Peranan bahasa dalam pembinaan insan dan pembangunan negara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2016). *Buku penerangan Standard Kurikulum Sekolah Rendah* (Semakan 2017). Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2016). *Buku penerangan Standard Kurikulum Sekolah Menengah (KSSM)*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Banks, M. (2007). *Using visual data in qualitative research*. London: Sage Publications.
- Beden, S. (2019). Prinsip dan strategi kesantunan penulisan dalam artikel ruangan agenda bahasa. *Issues in Language Studies*, 8(1), 105-129.
- Brown, H. D. (1997). The place of moral and political issues in language pedagogy. *Asian Journal of English Language Teaching*, 7(1), 21–33
- Farizah Hanim Ismail. (2010). Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan remaja di sekolah menengah: Suatu cabaran. *Jurnal Linguistik*, 10 (edisi khas), 1-17.
- Hashim Hj Musa. (2008). *Hati Budi Melayu: Pengukuh Menghadapi Cabaran Abad ke-21*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Hashim Hj. Musa, Normahdiah Sheik Said, Rozita Che Rodi & Siti Sarah Ab Karim. (2012). Hati budi Melayu: Kajian keperibadian sosial Melayu ke arah penjanaan Melayu gemilang. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 12(1), 163-182.
- Hashim Hj. Musa, Rozita Che Rodi & Salmah Jan Noor Muhammad. (2014). Pelestarian Bahasa Melayu sebagai bahasa utama dalam persuratan dan pembudayaan ilmu, sains dan teknologi di rantau ini. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu (Iman)*, 2(2), 3-19.
- Hashim, N. H. (2000). *Pemahaman guru terhadap penerapan nilai-nilai murni di dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah*. Laporan Penyelidikan Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan Universiti Sains Malaysia.
- Hesse-Biber, S.N & Leay, P. (2005). *The practice of qualitative research*. Thousand Oak, CA: Sage Publications.
- Johnston, B. (2003). *Values in English language teaching*. Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2003). *Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia
- Kempson, Ruth. M. (1991). *Teori semantik*. (Terjemahan Zaiton Ab. Rahman). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maslida Yusof dan Karim Harun (2015). Analisis lakuan tutur dalam ruangan status Facebook. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 31(2), 151-168.
- Mohamad Khairi Haji Othman. (2014). Hubungan penerapan nilai murni dalam pengajaran Bahasa Melayu dengan penghayatan nilai murni pelajar. *Journal of Human Development and Communication*, 3(Edisi khas), 81-92.

- Mohd Khairir Abdul Wahab & Mohd Rashid Md. Idris (2016). Interpretasi guru Bahasa Melayu terhadap penyerapan elemen falsafah bahasa untuk penyatupaduan nasional: Satu kajian analisis keperluan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(1), 1-15.
- Mohd Khairir Abdul Wahab, Mohd Rashid Md Idris & Abdul Kadir Ariffin (2016). Penyerapan elemen falsafah bahasa untuk penyatupaduan nasional: Satu kajian analisis keperluan terhadap guru Bahasa Melayu. *Tinta Artikulasi Membina Ummah* 2(1), 1-22.
- Mohd Rashid Hj. Md Idris & Abu Hassan Abdul. (2012). Amalan falsafah pendidikan bahasa di sekolah menengah. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 3, 20-38.
- Mohd Rashid Md. Idris, Norliza Jamaluddin, Abu Hassan Abdul & Adenan Ayob. (2012). *Tatabahasa wacana*. Selangor: Emeritus Publications.
- Morris, P., & Morris, E. (1999). Civic education in Hong Kong: from depoliticisation to Chinese values. *International Journal of Social Education*, 14(1), 1-18.
- Nor Fariza Mohd Nor, Harith Faruqi Sidek, Raja Noor Azri Raja Noor Afandi, Mohd Hanafiah Omar, Hazelina Ghazaly, Mohd Yazid Abzal Khan & Zulhaidi Amil. (2017). Kajian jati diri kakitangan dalam organisasi Universiti Kebangsaan Malaysia. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 17(4), 293-309.
- Pink, S. (2001). *Doing visual ethnography: Image, media and representation in research*. London: Sage Publications.
- Rose, G. (2001). *Visual methodologies: An introduction to the interpretation of visual materials*. London: Sage Publications.
- Rozita Che Omar & Jagdish Kumar. (2017). Penggunaan strategi komunikasi dalam rutin perundingan makna. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 17(1), 203-222.
- Rozita Che Rodi. (2013). *Bahasa sebagai cerminan nilai hati budi melayu dari sudut medan semantik*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Saimon, A., & Hamzah, Z. A. Z. (2019). Penggunaan kiasan dalam plot konflik filem: Satu analisis pragmatik. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 10, 37-74.
- Saimon, A., & Hamzah, Z. A. Z. (2019). Ujaran saling memahami dalam Filem Nordin Ahmad. *Issues in Language Studies*, 8(1), 162-180.
- Searle, J. R. (1983). *Intentionality: an essay in philosophy of mind*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Shaaban, K. (2005). A proposed framework for incorporating moral education into the ESL/EFL classroom. *Language, Culture And Curriculum*, 18(2), 201–217.
- Siti Nor Azhani Mohd Tohar, Adlina Ab Halim & Ku Hasnita Ku Samsu. (2017). Pengukuran tahap pemartabatan bahasa kebangsaan dalam kalangan mahasiswa institusi pengajian tinggi. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 17(2), 105-122.
- Tajul Ariffin Noordin & Nor'Aini Dan. (1992). *Pendidikan dan wawasan 2020*. Kuala Lumpur: Arena Ilmu.
- Wan Mohd Zahid Mohd Noordin. (1993). *Wawasan pendidikan: Agenda pengisian*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Zainal, M.Z. (2017). Lakuan ilokusi guru dalam pengajaran Bahasa Melayu. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. 17(4), 191-208.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2005). Bahasa, konteks dan pemikiran kanak-kanak melayu: Satu analisis pragmatik. *Jurnal Bahasa*. Vol. 5(2), 135-153.
- Zakaria Kasa, Abdul Rahman Md. Aroff, Abdul Majid Mohd Isa & Rahil Hj. Mahyuddin. (1996). *Penerapan nilai murni merentas kurikulum. Satu tinjauan*. Laporan Penyelidikan Kementerian Pendidikan Malaysia dan Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Pertanian Malaysia.
- Zamri Salleh & Abdullah Sukor Shaari. (2009). Kesan modul unsur tautan terhadap pengajaran Bahasa Melayu. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 6, 55-78.
- Zanariah Ibrahim, Maslida Yusof & Karim Harun. (2017). Analisis lakuan bahasa direktif guru pelatih dalam komunikasi di bilik darjah. *Jurnal Melayu*, 16(2), 163-178.